

09/07/2003

Keng Yaik sudah lama suarakan hasrat bersara

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, semalam berkata beliau sudah lama menyuarakan hasrat untuk bersara dalam politik dan kerajaan.

Malah, katanya, hasrat itu disampaikan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum Perdana Menteri mengumumkan peletakan jawatannya pada Jun tahun lalu.

"Saya memberitahu Perdana Menteri bahawa sudah tiba masa bagi saya untuk bersara. Perdana Menteri sendiri akan pergi dan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik sudah pergi.

"Jika semua pergi, tidak ada lagi menteri kanan dalam Kabinet Pak Lah (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) kecuali Datuk Seri S Samy Vellu," katanya tetapi tidak menyatakan secara khusus sama ada beliau masih bertanding atau tidak dalam pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata demikian pada sesi Nasi Bungkus anjuran New Straits Times (NST) di Balai Berita di sini, semalam. Sesi dialog itu diketuai Pengarang Kumpulan NST, Datuk Ahmad A Talib.

Keng Yaik, 64, mula memegang jawatan dalam Kabinet pada 1972 sebagai Menteri Tugas-Tugas Khas iaitu ketika kerajaan diterajui Tun Abdul Razak Hussein. Kini beliau yang juga Ahli Parlimen Bruas adalah Menteri Perusahaan Utama.

Dua tahun lalu, Keng Yaik pernah mengumumkan bahawa beliau akan bersara sebagai menteri dalam masa terdekat bagi menumpukan perhatian kepada kerja politik.

Bagaimanapun, mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat Gerakan di Johor ketika itu memintanya tidak menyuarakan hasratnya itu secara terbuka tetapi hanya dibincangkan pada peringkat jawatankuasa itu.

Menjawab soalan, Keng Yaik berkata, jika beliau bersara suatu hari nanti, timbalannya dalam Gerakan, Datuk Seri Kerk Choo Ting akan mengambil alih pucuk kepimpinan parti.

"Sekarang saya dalam proses menstabilkan pelan peralihan kepimpinan dalam parti. Tetapi saya tidak tahu sama ada Kerk akan menghadapi cabaran daripada pemimpin lain dalam parti," katanya.

Antara pemimpin pelapis dalam Gerakan sekarang ialah Naib Presidennya, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang dan Setiausaha Agung, Chia Kwang Chye.

Beliau berkata, Gerakan bukan parti perkauman meskipun majoriti ahlinya Cina.

"Pendekatan Gerakan bukan berbau perkauman dan pendekatan ini lebih diterima dalam Barisan Nasional (BN). Kita mahu memajukan konsep bangsa Malaysia sejajar dengan matlamat Wawasan 2020," katanya.